

**MOHD SHAZWAN** Mokhtar  
**MUHAMMAD ASLAH** Akmal Azmi  
**MOHD** Samsudin  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## **PERKEMBANGAN SISTEM PERDAGANGAN MERKANTILISME NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU (1909-1913)**

### ***THE DEVELOPMENT OF MERCANTILISM TRADE SYSTEM IN FEDERATED MALAY STATES (1909-1913)***

*Artikel ini membincangkan perkembangan sistem perdagangan merkantilisme Negeri-Negeri Melayu Bersekutu semenjak tahun 1909 hingga tahun 1913. Kawalan terhadap pentadbiran kewangan dan ekonomi eksport oleh British sejak penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada tahun 1909 sebenarnya bertentangan dengan amalan perdagangan bebas British pada abad ke-19. Sehingga tahun 1913, British berjaya mengumpul lebihan baki kewangan persekutuan menerusi kawalannya terhadap Majlis Mesyuarat Persekutuan. Tempoh masa antara tahun 1909 hingga 1913 membuktikan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu mempunyai lebihan baki kewangan yang tinggi. Oleh itu, objektif kajian ini ialah meneliti pembentukan sistem perdagangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu oleh British sejak penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan sehingga sebelum Perang Dunia Pertama. Hasil kajian mendapati, ciri penting perdagangan merkantilisme yang mempengaruhi sistem perdagangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ialah campur tangan Ketua Setiausaha menerusi peruntukkan undang-undang oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan. Ketua Setiausaha mempunyai bidang kuasa untuk mengawal sistem kewangan, sistem cukai dan ekonomi eksport yang merupakan pendapatan utama kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Kajian ini menggunakan kaedah kajian sejarah yang memberi tumpuan terhadap rekod-rekod perdagangan dan pentadbiran kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.*

**Kata kunci:** *Sejarah ekonomi, perdagangan, merkantilisme, ekonomi imperial British, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu*

*This article discusses the development of mercantilism trading system in the Federated Malay States since 1909 to 1913. Administrative control over financial and export economy by the British since the establishment of the Federal Council in 1909 is in fact contrary to the British practice of free trade in the 19<sup>th</sup> century. By controlling*

*Federal Council, British has succeeded to collect surplus balance to credit until 1913. The period between 1909 to 1913 show that before the World War I, Federated Malay States possess a higher surplus balance to credit. Therefore, the objective of this study is to investigate the formation of a trading system in the Federated Malay States by the British since the establishment of the Federal Council until the outbreak of World War I. The study found that the most important elements that effect mercantilism trading system in the Federated Malay States is the intervention of the Chief Secretary through the provisions of the law by the Federal Council. Chief Secretary has the authority to regulate the financial system, tax sytem and the export economy which is the main sources of the Federated Malay States Government's revenue. This study used historical method which based on trade records dan Federated Malay States Government's administration records.*

**Keywords:** *Economic history, trade, mercantilism, British imperial economy, Federated Malay States*

## **Pengenalan**

Merkantilisme merupakan satu sistem ekonomi yang berkembang dengan dominan di England pada abad ke-17 dan 18. Perkembangan merkantilisme di England menyaksikan campur tangan kerajaan dalam aktiviti perdagangan yang ketat untuk melindungi kepentingan ekonomi negara daripada persaingan negara asing. Campur tangan pihak kerajaan ini juga melibatkan pelaksanaan undang-undang yang mengawal sektor komersial dan industri dalam aktiviti perdagangan negara. Kerajaan mempunyai kuasa untuk memperbadankan syarikat-syarikat perdagangan dibawah piagam diraja. Menerusi piagam diraja ini setiap syarikat perdagangan negara induk mempunyai kelebihan dan monopoli perdagangan di tanah jajahan.<sup>1</sup>

Pada akhir abad ke-19, Britain mula menghadapi kemelesetan ekonomi yang melibatkan masalah kegagalan operasi sektor perindustrian, peningkatan nilai defisit perdagangan, penurunan bekalan arang batu dan kebergantungannya terhadap sumber makanan dari negara asing. Kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh Britain ini telah menyebabkan kebanyakan ahli ekonomi dan politiknya mula mempertikaikan keberkesanan doktrin perdagangan bebas yang diamalkan oleh Britain sejak abad ke-18. Golongan yang masih percaya dengan idea merkantilisme menjadikan peluang ini untuk mengkritik doktrin perdagangan bebas Britain yang dipengaruhi dengan pemikiran Adam Smith. Perdebatan antara penyokong doktrin perdagangan bebas dengan penyokong merkantilisme akhirnya membawa kepada pembinaan semula pemikiran idea ekonomi klasik di Britain sejak dalam tahun 1890-an.<sup>2</sup> Berdasarkan perkembangan ini, idea merkantilisme telah menerima pembaharuan baharu oleh tokoh penting seperti W. Cunningham. Beliau telah menekankan elemen

imperialisme dalam idea merkantilisme sebagai langkah penyelesaian masalah perdagangan yang dihadapi oleh Britain. Hanya menerusi penguasaan tanah jajahan yang kukuh, British dapat memperolehi hasil ekonomi daripada tanah jajahan untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi.<sup>3</sup>

Pemulihan merkantilisme ini seterusnya berjaya mempengaruhi sebahagian daripada ahli politik British seperti Joseph Chamberlain yang berperanan sebagai Setiausaha Tanah Jajahan sejak tahun 1895 hingga 1903. Pendirian Chamberlain yang teguh terhadap keutamaan imperial sebenarnya merupakan faktor penting yang mendorong kemaraan penguasaan British di semenanjung Tanah Melayu sejak akhir abad ke-19. Bermula dengan pengambil-alihan pentadbiran Negeri-Negeri Selat (NNS) dari pentadbiran kerajaan kolonial India, proses kemaraan pengaruh British menerusi perlantikan Residen dan Penasihat British hinggalah kepada pembentukan persekutuan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada tahun 1895. Perkembangan peluasan penjajahan British di Tanah Melayu ini adalah disebabkan kepentingan untuk melindungi aktiviti perdagangan dan strategik British di rantau Asia Tenggara.<sup>4</sup>

Pelaksanaan dasar merkantilisme oleh Pejabat Tanah Jajahan ini telah dibincangkan terdahulu dalam kajian Stephen Constantine.<sup>5</sup> Penulisan Constantine berhujah pelaksanaan keutamaan imperial dan pembangunan sumber bahan mentah di tanah jajahan oleh Pejabat Tanah Jajahan merupakan bukti penting pelaksanaan dasar merkantilisme. Keperluan untuk melaksanakan dasar merkantilisme oleh British ini sebenarnya merupakan langkah pengukuhan kebergantungan Britain selaku negara induk dengan tanah jajahan untuk mendapatkan sumber bahan mentah untuk keperluan sektor perindustriannya.<sup>6</sup> Walaupun begitu, penulisan Constantine menimbulkan persoalan, apakah dasar merkantilisme yang dilaksanakan di Tanah Melayu khususnya NNMB? Kepentingan untuk menjawab persoalan ini dikukuhkan lagi dengan pandangan dalam kajian Loh Wei Leng berkaitan pelaksanaan keutamaan imperial oleh British di tanah jajahan termasuklah Tanah Melayu sebenarnya merupakan satu bentuk pengunduran amalan perdagangan bebas oleh British.<sup>7</sup>

Bagaimanapun, historiografi perdagangan merkantilisme sejak abad ke-19 ini terbatas dalam konteks perkembangannya di Eropah. Boleh dikatakan tiada kajian khusus yang boleh diperolehi berkaitan isu ini dalam konteks perkembangan perdagangan merkantilisme di Tanah Melayu. Namun, ciri-ciri sistem perdagangan merkantilisme British di Tanah Melayu boleh diteliti dalam penulisan Khoo Kay Kim,<sup>8</sup> P.P. Courtenay<sup>9</sup> dan Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya.<sup>10</sup> Ciri sistem perdagangan merkantilisme yang dibincangkan ketiga-tiga penulisan ini ialah perkembangan ekonomi eksport berasaskan timah dan getah oleh British sejak akhir abad ke-19 di Tanah Melayu.<sup>11</sup> Selain itu, ketiga-tiga penulisan ini turut bersetuju bahawa keperluan untuk melindungi kepentingan perdagangan timah dan getah juga merupakan faktor yang mendorong Pejabat Tanah Jajahan British meluluskan usaha campur tangan Gabenor NNS dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu semenanjung. Walaupun begitu, ketiga-tiga penulisan ini tidak dapat menjawab

persoalan berkaitan dasar merkantilisme British di NNMB. Tambahan pula, berdasarkan dasar merkantilisme yang dilaksanakan British ini, timbul persoalan pokok apakah sistem perdagangan yang dibentuk oleh British di NNMB sejak akhir abad ke-19? Berdasarkan persoalan ini, artikel ini meneliti pembentukan sistem perdagangan di NNMB oleh British sejak pembentukan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada tahun 1909 sehinggalah tahun 1913 iaitu sebelum Perang Dunia Pertama.

## **Perkembangan Idea Merkantilisme British Sehingga Abad ke-20**

Kebangkitan merkantilisme pada akhir abad ke-19 merupakan kesan kemelesetan ekonomi yang berlaku antara tahun 1873 hingga 1896 di Eropah. Masalah ekonomi yang berlaku ini menyebabkan peningkatan kadar tarif dan kejatuhan harga komoditi perdagangan yang rendah, khususnya harga produk pertanian. Oleh sebab itu, negara seperti Jerman, Austria dan Itali mula menyemarakkan nasionalisme negaranya untuk melindungi kepentingan ekonomi masing-masing. Keperluan untuk melindungi ekonomi domestik ini telah membawa kepada ‘perang tarif’ dalam kalangan negara-negara barat pada jangka masa yang tertentu. Antara negara yang terlibat ialah Perancis dengan Itali (1887-1898), Jerman dengan Kanada (1897-1910) dan Jerman dengan Rusia (1892-1894). Trend peningkatan tarif antara negara-negara ini juga telah menunjukkan berlakunya peningkatan dasar perlindungan ekonomi yang bersifat merkantilisme oleh setiap kerajaan negara-negara tersebut untuk menghadapi persaingan ekonomi antara satu sama lain.<sup>12</sup>

Perkembangan ekonomi antarabangsa ini telah menyebabkan kerajaan imperial British mula menerima tekanan sejak tahun 1892 untuk melaksanakan dasar perlindungan ekonomi. Tekanan ini disebabkan Britain dikatakan gagal untuk bersaing dalam perang tarif yang berlaku di Eropah. Oleh sebab itu, sejak awal akhir abad ke-19 lagi berlakunya penyusupan dasar ekonomi yang bersifat merkantilisme dalam pentadbiran kerajaan imperial British. Antaranya, dasar kesatuan imperial, reformasi tarif, keutamaan imperial, kawalan industri serta buruh dan reformasi sosial.<sup>13</sup>

Hasil penulisan W. Cunningham antara tahun 1880-an dan 1890-an telah menjadi *magnum opus* penting dalam sejarah ekonomi British sebelum Perang Dunia Pertama. Pemurnian idea merkantilisme oleh beliau telah menyumbang kepada pembinaan idea merkantilisme di Britain yang mendorong pihak kerajaan memainkan peranan dalam proses evolusi ekonomi negara untuk memperbaiki kedudukan Britain dalam ekonomi antarabangsa.<sup>14</sup> Cunningham menilai merkantilisme sebagai idea ekonomi yang dapat membangunkan industri negara. Kesan campur tangan pihak kerajaan dapat melindungi sektor ekonomi domestik Britain ini daripada persaingan negara asing.<sup>15</sup> Berdasarkan idea ini, beliau berpandangan persaingan ekonomi perlu dikawal bagi membolehkan sistem ekonomi domestik negara dapat dipelihara. Menerusi langkah ini barulah taraf hidup golongan pekerja dalam negara dapat ditingkatkan. Selain itu, Cunningham turut mengkritik amalan perdagangan bebas yang menyebabkan Britain mengabaikan kepentingan perdagangan

antarabangsanya.<sup>16</sup> Tumpuan terhadap perdagangan bebas ini seterusnya menyebabkan Britain mula mengalami kemerosotan perdagangan pada tahun 1870, disebabkan keadaan ekonominya tidak seimbang.<sup>17</sup> Bagi Cunningham dasar perdagangan bebas hanya memberi keuntungan kepada sebelah pihak terutamanya golongan peniaga dan pengilang, tetapi membawa kemerosotan terhadap kepentingan ekonomi negara.<sup>18</sup> Oleh sebab itu, doktrin perdagangan bebas sebagai satu bentuk dasar ekonomi yang tidak mampu memacu Britain sebagai sebuah kuasa maritim dunia seperti pada abad ke-18.<sup>19</sup>

Imbangan perdagangan merupakan prinsip ekonomi yang digunakan oleh ahli ekonomi merkantilis untuk mengukur hasil kekayaan atau pendapatan negara. Bahkan, Adam Smith sendiri mengakui prinsip imbalan perdagangan merupakan nadi kepada sistem ekonomi merkantilisme Britain sebelum abad ke-19. Beliau menjelaskan, apabila sesebuah negara mengutamakan aktiviti eksport berbanding import, negara tersebut dapat menjual barangannya dengan jumlah yang besar kepada negara asing. Kesannya, sesebuah negara merkantilis dapat memperoleh aliran masuk emas dan perak ke dalam negaranya sebagai sumber pendapatan.<sup>20</sup> Tambahan lagi, tumpuan terhadap eksport ini juga meningkatkan hasil kekayaan negara menerusi sirkulasi mata wang yang dapat menghasilkan lebih kredit dalam transaksi pembayaran negara.<sup>21</sup> Dalam konteks merkantilisme pada abad ke-20 pula merumuskan pertumbuhan eksport dalam imbalan perdagangan dapat meningkatkan aliran masuk kewangan bagi sesebuah negara.<sup>22</sup> Oleh sebab itu, kerajaan perlu memainkan peranan penting untuk memastikan imbalan perdagangan negara dalam keadaan yang positif untuk menghasilkan lebih perdagangan. Justeru, kerajaan harus membentuk sistem perlindungan ekonomi domestik bagi mengatasi masalah persaingan import dari negara asing. Oleh itu, barulah pendapatan dan kekayaan negara dapat ditingkatkan.<sup>23</sup>

## **Pengaruh Merkantilisme Terhadap Negeri-Negeri Melayu Bersekutu**

Joseph Chamberlain, Setiausaha Tanah Jajahan Britain merupakan tokoh awal yang mula melaksanakan dasar merkantilisme dalam bentuk pembaharuan tarif dan keutamaan imperial di tanah jajahan.<sup>24</sup> Menerusi keutamaan imperial ini, golongan pedagang British dapat mengimport atau mengeksport barangan serta komoditi dari tanah jajahan dengan kadar cukai kastam yang rendah atau terus dikecualikan daripada sebarang cukai kastam. Kadar cukai yang dikenakan adalah berdasarkan jenis barangan yang diimport atau dieksport yang dikawal oleh kerajaan Britain.<sup>25</sup> Ketika Persidangan Kolonial pada tahun 1902, Chamberlain berjaya mendapatkan persetujuan kerajaan Britain, untuk melaksanakan dasar keutamaan imperial dan membolehkan Pejabat Tanah Jajahan mengawal pentadbiran di tanah jajahan untuk melindungi serta sebagai satu langkah untuk meningkatkan semula prestasi perdagangan Britain. Tindakan kerajaan Britain bersetuju untuk melaksanakan dasar perdagangan utamaan ini disebabkan kesedaran terhadap doktrin perdagangan bebas yang mustahil untuk diamalkan dalam keadaan semasa. Ketika menyampaikan ucapan dalam persidangan tersebut, Joseph Chamberlain mencadangkan agar

anggota persidangan bersetuju untuk meningkatkan '*colonial contribution*' untuk pertahanan imperial dan melaksanakan dasar perdagangan bebas dalam empayar British sahaja. Sungguhpun begitu, cukai kastam tidak akan dimansuhkan secara keseluruhan kerana duti eksasis tetap akan dikenakan, disamping levi terhadap barangan yang tidak dihasilkan di Britain.<sup>26</sup> Keperluan pertahanan imperial ini juga telah menjadikan tanah jajahan yang kaya dengan sumber ekonomi berperanan untuk menyumbangkan wang kepada kerajaan Britain bagi menampus kos pertahanan imperial, khususnya untuk keperluan industri ketenteraan dan perkapalan.<sup>27</sup>

Pengaruh idea merkantilisme British terhadap Tanah Melayu sebenarnya boleh diteliti sejak tahun 1895 apabila Setiausaha Tanah Jajahan iaitu Joseph Chamberlain meluluskan pembentukan persekutuan NNMB.<sup>28</sup> Pembentukan persekutuan ini juga bertepatan dengan dasar merkantilisme Chamberlain untuk menguasai sumber bahan mentah, sumber makanan dan membentuk pasaran kolonial di tanah jajahan untuk manfaat Britain.<sup>29</sup> Oleh sebab itu, persetujuan Chamberlain untuk membentuk persekutuan NNMB adalah berdasarkan keperluan untuk melindungi kepentingan ekonomi British yang terdapat di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.<sup>30</sup> Seterusnya penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP) pada tahun 1909 oleh British sebenarnya merupakan satu lagi usaha untuk mewujudkan alat kawalan terhadap aktiviti perdagangan merkantilisme di NNMB. Bukti yang jelas ialah menerusi alasan Sir John Anderson, Pesuruhjaya Tinggi di Tanah Melayu untuk memusatkan pentadbiran kewangan NNMB menerusi penubuhan MMP kepada Pejabat Tanah Jajahan pada tahun 1907.<sup>31</sup> Melalui pemusatan pentadbiran kewangan, British dapat menguasai hasil kekayaan yang diperolehi NNMB menerusi aktiviti perdagangan merkantilisme, iaitu lebihan baki kewangan. Tumpuan terhadap eksport dalam sistem perdagangan merkantilisme di NNMB membolehkan British mengumpul lebihan baki kewangan yang merupakan indikator penting taraf kekayaan yang dimiliki oleh kerajaan NNMB.<sup>32</sup> Selain itu, menerusi MMP British dapat melindungi kepentingan ekonomi pedagang Eropah melalui kuasa kawalan MMP dalam aktiviti perdagangan merkantilisme di NNMB<sup>33</sup>. Justeru, setelah dipertimbangkan oleh Pejabat Tanah Jajahan, akhirnya Setiausaha Tanah Jajahan telah bersetuju untuk meluluskan cadangan penubuhan MMP untuk NNMB pada tahun 1909.<sup>34</sup> Penubuhan MMP juga merupakan satu bentuk kejayaan British membentuk badan perundangan yang mengawal keseluruhan sistem perdagangan merkantilisme di NNMB. Menerusi MMP, British berjaya mengawal sistem kewangan, sistem tarif dan ekonomi eksport yang merupakan bahagian penting dalam sistem perdagangan merkantilisme.

## **Sistem Kewangan**

Sistem kewangan merupakan bahagian penting dalam sistem perdagangan merkantilisme di NNMB. British telah menggunakan MMP untuk memusatkan pentadbiran sistem kewangan di peringkat persekutuan menerusi Enakmen Ketua Setiausaha (Perbadanan) yang diluluskan MMP pada tahun 1911.<sup>35</sup>

Menerusi enakmen ini, jawatan Residen Jeneral telah ditukar namanya kepada Ketua Setiausaha yang berperanan penting sebagai ketua eksekutif kerajaan NNMB di bawah Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Perlantikan Ketua Setiausaha kerajaan persekutuan ini penting untuk membolehkan British mengawal keseluruhan perbelanjaan kerajaan NNMB. Enakmen ini memperuntukkan kuasa kepada Ketua Setiausaha untuk menggunakan materi korporat dalam urusan perdagangan seperti persetujuan kontrak dan kuasa untuk membeli bagi pihak kerajaan NNMB.<sup>36</sup> Di samping itu, terdapat pandangan yang menilai dasar ini sebagai satu langkah untuk mengurangkan beban pentadbiran Pesuruhjaya Tinggi British, agar kelangsungan penguasaan dan pelaksanaan dasar kolonial di NNMB dapat dikekalkan.<sup>37</sup> Namun demikian, ahli-ahli tidak rasmi MMP berpandangan tindakan British menggunakan MMP untuk meluluskan enakmen ini sebenarnya merupakan satu langkah untuk menggabungkan pentadbiran NNMB dengan pentadbiran kolonial di NNS. Tambahan pula, bidang kuasa pentadbiran yang diperuntukkan kepada Ketua Setiausaha ini juga menunjukkan usaha British untuk menguasai pendapatan NNMB yang dimewah dengan lebih baki kewangan (*surplus*) yang tinggi.<sup>38</sup>

British telah menggunakan sistem kewangan berpiawai emas dalam sistem kewangan dalam sistem perdagangan NNMB sejak awal abad ke-20, apabila Perbendaharaan Britain meluluskan cadangan pelaksanaannya oleh Setiausaha Tanah Jajahan pada tahun 1903. British kemudian menggunakan Majlis Mesyuarat bagi negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang untuk meluluskan Enakmen Import dan Eksport Duit yang seragam di setiap negeri tersebut. Enakmen ini diluluskan bertujuan untuk menyekat import Dolar British, Dolar Mexico, Yen Jepun dan semua syiling tembaga serta gansa dari Borneo Utara British, Sarawak dan Brunei. Menerusi enakmen ini juga kerajaan negeri mempunyai bidang kuasa untuk menghalang eksport Dolar Selat dan sirkulasi mata wang asing.<sup>39</sup> Walaupun punca kuasa bagi enakmen ini adalah dibawah bidang kuasa Majlis Mesyuarat Negeri, Residen Jeneral mempunyai bidang kuasa tertinggi di peringkat persekutuan untuk mengawal sebarang bentuk urusan import dan eksport duit NNMB. Oleh sebab itu, setiap Residen British di negeri-negeri ini perlu mendapatkan kebenaran Residen Jeneral untuk mengimport dan mengekspor sebarang jenis mata wang termasuklah urusan tukaran mata wang di NNMB.<sup>40</sup> Keadaan ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan Enakmen Import dan Eksport Duit bukan sahaja sebagai langkah untuk mengesahkan nilai Dolar Selat, tetapi turut sebagai langkah perlindungan sistem mata wang. Isu perlindungan ini sebenarnya telah diarahkan oleh Setiausaha Tanah Jajahan kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu agar melarang kesemua eksport mata wang asing daripada memasuki pasaran mata wang di Tanah Melayu, supaya nilai Dolar Selat dalam keadaan yang stabil.<sup>41</sup>

Berdasarkan piawai emas, mata wang Dolar Selat ataupun lebih dikenali sebagai '*Straits Dollar*' (\$) diperkenalkan bagi menggantikan penggunaan mata wang asing seperti dolar perdagangan British dan juga mata wang dolar Mexico.<sup>42</sup> Keperluan untuk British melaksanakan mata wang berasaskan piawai emas ini adalah untuk membolehkan pihak British

mengawal aktiviti tukaran mata wang dengan menetapkan kadar tukarannya.<sup>43</sup> Piawaian emas membolehkan setiap mata wang yang menggunakan standart emas ditukarkan dengan emas yang setara dengan nilainya. Oleh itu, mata wang yang menggunakan piawaian emas boleh di tukar dengan mata wang lain yang menggunakan standart yang sama. Berdasarkan sistem mata wang ini, Dolar Selat juga boleh ditukar dengan mata wang Sterling Britain dengan kadar tetap berdasarkan nilai emas.<sup>44</sup> Keadaan ini mewujudkan kestabilan tukaran mata wang yang diperlukan oleh British di NNMB untuk menarik pelabur asing dalam sektor penyelidikan saintifik dan latihan teknikal yang diperlukan dalam pembangunan ekonomi eksport perdagangan merkantilisme di Tanah Melayu.<sup>45</sup> Selain itu, penggunaan sistem mata wang berpiawaian emas ini telah membolehkan pedagang British mengurangkan risiko tukaran mata wang asing. Kesannya, golongan pedagang British dapat melakukan urusan pelaburan dan perdagangan di Tanah Melayu tanpa sebarang risiko memandangkan sistem kewangannya yang stabil.<sup>46</sup>

### Sistem Tarif

Sistem tarif dalam sistem perdagangan merkantilisme NNMB telah dipusatkan menerusi Enakmen Peraturan Kastam 1907 pada tahun 1908. Penguatkuasaan enakmen ini telah membolehkan kerajaan NNMB mempunyai bidang kuasa untuk menyeragamkan sistem tarif di peringkat persekutuan. Penstrukturan kadar tarif menerusi enakmen ini menyaksikan hanya komoditi candu dan minuman beralkohol sahaja dikenakan cukai import, iaitu cukai sebanyak \$1,200 dikenakan untuk setiap satu kotak yang mempunyai 40 biji candu dan \$120 untuk sekotak minuman beralkohol.<sup>47</sup> Oleh sebab, sistem perdagangan merkantilisme di NNMB mengutamakan ekonomi eksport berbanding import, cukai ekport pula telah distruktur dengan melibatkan kebanyakan komoditi bahan mentah.

**Jadual 1 Kadar cukai eksport komoditi terpilih Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1908**

Jenis komoditi	Kadar tarif
Gambir	1.5 sen / 1 pikul
Lada hitam	0.3 sen / 1 pikul
Gula	1.0% / 1 pikul
Tebu	1.0% / 1 pikul
Timah <sup>48</sup>	\$30.0 / 1 pikul
Emas	2.0% / 'ad valorem' <sup>49</sup>
Ubi kayu	2.5% / 'ad valorem'
Getah	2.5% / 'ad valorem'
Kelapa / kelapa kering / minyak kelapa	1.5% / 'ad valorem'

Sumber: Customs Duties, *The Straits Times*, 9 January 1908.

Jadual 1 menunjukkan kadar cukai eksport bagi komoditi terpilih NNMB sejak tahun 1908. Berdasarkan data ini komoditi bernilai tinggi seperti gambir, lada hitam dan timah telah dikenakan cukai langsung berdasarkan muatan pikul mengikut kadar bayaran yang ditentukan. Namun, bagi komoditi



gula dan tebu kadar cukai eksport yang ditetapkan ialah 1% daripada nilai 1 pikul bagi setiap komoditi tersebut. Manakala, bagi komoditi emas, ubi kayu dan getah, kaedah percukaian '*ad valorem*' digunakan, iaitu kadar cukai ditentukan berdasarkan nilai semasa bagi setiap komoditi tersebut mengikut kadar peratusan yang telah ditetapkan. Penyeragaman kadar tarif ini secara langsung telah menghapuskan sistem percukaian antara negeri. Dasar ini memberi manfaat kepada pengeksport British yang hanya perlu membayar cukai di salah satu negeri dalam persekutuan NNMB.<sup>50</sup>Selain itu, pemusatan sistem tarif dalam sistem perdagangan merkantilisme di peringkat persekutuan turut membolehkan British mengawal pelabuhan import dan eksport yang terdapat di negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Kawalan terhadap pelabuhan-pelabuhan NNMB dilaksanakan menerusi stesen kastam yang dibina oleh kerajaan persekutuan. Stesen yang dibina di setiap pelabuhan NNNB ini menjalankan fungsi mengutip cukai bagi pihak kerajaan NNMB. Penstrukturan semula sistem tarif ini sebenarnya merupakan satu usaha komprehensif oleh British bagi melindungi kepentingan perdagangannya di NNMB.<sup>51</sup>

Pembentukan sistem tarif sejak tahun 1908, menunjukkan ciri-ciri perlindungan sistem perdagangan merkantilisme British terhadap kepentingan ekonomi domestik NNMB. Keperluan untuk kerajaan NNMB melaksanakan sistem tarif ini adalah berdasarkan desakkan pedagang-pedagang British yang menggesa agar pihak kerajaan memperbaharui sistem tarif. Gesaan ini disebabkan kelemahan pasaran kolonial yang dikuasai dengan produk yang dieksport oleh negara asing menerusi ekonomi perdagangan bebas. Tambahan lagi, kepentingan sektor perdagangan NNMB turut terganggu apabila peranan pelabuhan NNS sebagai entrepot mula lemah dengan banjiriran import asing sejak tahun 1903. Kemunduran ekonomi domestik British di Tanah Melayu ini adalah kesan daripada ekonomi perdagangan bebas yang menyebabkan pedagang British gagal untuk bersaing dengan golongan pedagang Belanda yang berpusat di Belanda Hindia Timur.<sup>52</sup>

Jabatan Perdagangan dan Kastam merupakan agensi kerajaan persekutuan yang penting dalam memusatkan pentadbiran sistem perdagangan merkantilisme di NNMB. Pentadbiran Jabatan Perdagangan dan Kastam diketuai oleh seorang Pesuruhjaya yang bertanggungjawab terus dibawah MMP. Peranan penting Pesuruhjaya Perdagangan dan Kastam ini ialah sebagai ejen penghubung dalam kalangan firma-firma British bagi aktiviti perdagangan antarabangsa NNMB. Pesuruhjaya Perdagangan dan Kastam turut berperanan mentadbir sistem perdagangan import dan eksport berdasarkan lima kelas komoditi tersebut,<sup>53</sup>

- i. Kelas A : haiwan hidup, makanan, minuman dan bahan narkotin
- ii. Kelas B : bahan mentah
- iii. Kelas C : barangan hasil pembuatan
- iv. Kelas D : barangan runcit
- v. Kelas E : jongkong emas dan rempah

Kebanyakan komoditi Kelas A adalah merupakan bahan makanan yang diimport ke NNMB. Antaranya beras dan lembu dari Siam, khinzir dari Sumatera, produk tenusu dari Australia, United Kingdom, Perancis, Belanda, Itali, Norway dan Denmark. Manakala bawang putih dan bawang merah dari India, teh dari Ceylon serta tembakau dari India dan China turut diimport ke NNMB. Komoditi Kelas B terdiri daripada bahan mentah utama getah dan timah yang sememangnya dikawal eksportnya oleh kerajaan NNMB. Namun terdapat bahan mentah lain yang diimport dari luar negara seperti arang batu dari Sumatera dan tar dari United Kingdom. Komoditi Kelas C pula merupakan barangan hasil pembuatan yang dikilangkan seperti produk rotan, kapas, kenderaan motokar, barangan besi dan keluli serta barangan kaca. Komoditi Kelas C ini kebanyakannya diimport dari United Kingdom ke NNMB. Manakala, komoditi Kelas D yang merupakan barangan runcit pula terdiri daripada bungkusan-bungkusan yang dihantar menerusi perkhidmatan pos. Bagi komoditi Kelas E iaitu jongkong emas dan rempah pula menjadi komoditi eksport sampingan yang dikawal pengeluarannya oleh pihak kerajaan NNMB.

**Jadual 2 Eksport komoditi utama dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1909-1913**

Komoditi	Unit	1909	1910	1911	1912	1913
Kacang Pinang	Pikul	20,880	22,995	24,403	30,123	19,864
Kopi	Pikul	13,513	11,238	10,820	10,630	12,252
Kelapa kering	Pikul	104,469	125,770	135,064	129,531	156,033
Gambir	Pikul	35,171	31,805	22,883	22,080	18,196
Emas	Auns	14,956	15,868	7,677	12,318	13,133
Lada hitam	Pikul	10,903	7,049	4,754	2,247	1,246
Beras dan padi	Pikul	322,476	424,695	396,866	256,497	394,235
Getah	Pikul	46,241	92,424	152,369	270,297	401,712
Gula	Pikul	213,161	156,784	59,560	36,581	2,266
Ubi Kayu	Pikul	226,663	145,015	58,833	72,036	49,253
Timah	Pikul	818,887	736,898	741,698	813,472	842,129
Wolfram	Pikul	1,461	1,580	2,816	3,755	3,470

Sumber: Sel. Sect. 2026/1914, Annual Report 1913. Trade & Customs

Jadual 2 menunjukkan trend eksport NNMB yang terdiri daripada komoditi Kelas B dan Kelas E. Data ini membuktikan bahawa NNMB memainkan peranan penting sebagai pembekal bahan mentah bagi aktiviti perdagangan antarabangsa, khususnya timah, beras dan padi. Permintaan yang tinggi terhadap sumber bahan mentah ini telah membolehkan kerajaan NNMB bergantung dengan hasil cukai eksport sebagai sumber pendapatannya.<sup>54</sup> Oleh itu, ketika harga pasaran bagi komoditi eksport meningkat, pihak British akan menggunakan MMP untuk meningkatkan cukai eksport.<sup>55</sup>

**Jadual 3 Jumlah hasil kutipan kastam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1909-1913**

Tahun	1909	1910	1911	1912	1913
Jumlah (\$)	11,259,326	10,851,374	11,313,173	14,068,351	13,680,224

Sumber: Federated Malay States, Annual Report for Year 1913

Jadual 3 pula menunjukkan hasil kutipan kastam NNMB sejak tahun 1909 hingga 1913. Kestabilan hasil kutipan yang tinggi ini telah membuktikan keberkesanan sistem tarif yang diseragamkan oleh kerajaan NNMB sejak tahun 1908. Berbanding tahun 1909, penurunan hasil kutipan kastam pada tahun 1910 adalah hanya sebanyak 3.62%. Pada tahun 1911, hasil kutipan kastam telah meningkat sebanyak \$461,799 bersamaan 4.26% berbanding tahun 1910. Trend peningkatan ini terus berlaku pada tahun 1912 dengan jumlah peningkatan sebanyak \$2,755,178, sebelum menurun sedikit pada tahun 1913 sebanyak 2.76%.

### **Pembangunan Ekonomi Eksport**

Pengenalan sistem perdagangan merkantilisme di NNMB telah membolehkan British membangunkan ekonomi eksport<sup>56</sup> yang mempunyai nilai keuntungan yang tinggi.<sup>57</sup> Hujahan ini dapat dibuktikan menerusi campur tangan British dalam kerajaan persekutuan yang berperanan penting untuk memastikan ekonomi eksport berasaskan bahan mentah di NNMB dapat dibangunkan secara konsisten. Bahan mentah penting yang memacu ekonomi eksport di NNMB ialah getah dan timah. Berdasarkan nilai ekonominya yang tinggi, British telah menjadikan kedua-dua bahan mentah ini sebagai sumber kekayaan bagi NNMB.<sup>58</sup>

Pada tahun 1909, British menggunakan MMP untuk memperkenalkan skim pinjaman untuk golongan petani sebagai langkah galakkan pembangunan ekonomi eksport perdagangan merkantilisme di NNMB. Skim ini bertujuan sebagai satu bentuk galakkan kepada golongan pekebun kecil dan peladang untuk mengusahakan tanaman getah serta produk pertanian komersial lain. Galakkan penanaman getah oleh kerajaan NNMB ini adalah disebabkan berlakunya peningkatan harga getah pada tahun 1909 yang berlarutan sehingga tahun 1912.<sup>59</sup> Terdapat dua bentuk skim pinjaman yang boleh dimohon oleh golongan petani dan peladang. Pertamanya, Dana Pinjaman Peladang yang ditadbir oleh jawatankuasa di peringkat MMP dan yang keduanya ialah Tabung Negeri yang ditadbir oleh kerajaan negeri. Dana Pinjaman Peladang dikhaskan untuk golongan peladang-peladang komersial di NNMB. Manakala Tabung Negeri pula di khaskan untuk golongan petani tempatan bagi membantu mereka meningkatkan taraf ekonomi dan usaha pembangunan kebun-kebun mereka. Walaupun tujuan skim pinjaman ini dilaksanakan untuk menggalakkan penanaman getah, terdapat juga sebilangan petani yang mengambil peluang pinjaman kewangan ini untuk memulakan usaha penanaman kelapa sebagai tanaman komersial.<sup>60</sup> Tindakan kerajaan NNMB menggunakan MMP untuk meluluskan skim pinjaman ini menggambarkan kesedaran British bahawa

peluang untuk mendapatkan keuntungan ketika peningkatan harga getah perlu diambil. Bahkan, skim pinjaman ini dapat membantu syarikat-syarikat perladangan yang mempunyai liabiliti kecil untuk mendapatkan pinjaman.<sup>61</sup>

**Jadual 4 Dana pinjaman peladang Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1909-1912**

Tahun	Jumlah pinjaman (\$)
1909	\$187,476.00
1910	\$99,576.35
1911	\$494,050.00
1912	\$862,659.00

Sumber: Federated Malay States Annual Report for Year 1909-1912

Jadual 4 menunjukkan Dana Pinjaman Peladang persekutuan sejak tahun 1909 hingga tahun 1912. Secara keseluruhannya data menunjukkan berlakunya peningkatan jumlah pinjaman drastik yang dikeluarkan oleh kerajaan NNMB. Pada tahun 1909 sebanyak \$187,476.00 telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan persekutuan bagi menampung permintaan pinjaman kewangan. Walaupun begitu, terdapat penurunan sebanyak 46.89% bersamaan \$87,899.65 yang dicatatkan pada tahun 1910. Penurunan jumlah pinjaman pada tahun 1910 ini adalah disebabkan permintaan pinjaman yang tinggi pada tahun 1909 yang menyebabkan kerajaan NNMB terpaksa mengeluarkan dana pinjaman yang lebih daripada yang diluluskan oleh MMP.<sup>62</sup> Walau bagaimanapun, pada tahun 1911 kerajaan NNMB telah meluluskan jumlah pinjaman yang lebih tinggi daripada tahun 1910 iaitu sebanyak \$394,473.65. Peningkatan jumlah pinjaman ini terus berlaku pada tahun 1912 apabila kerajaan NNMB telah meluluskan lebih 74.61% dana pinjaman berbanding tahun 1911.

Bagi menggalakkan lagi hasil produksi getah untuk dieksport, kerajaan NNMB turut melaksanakan dasar pemilikan tanah kepada firma asing. Dasar ini dilaksanakan untuk menggalakkan lagi aliran masuk modal ke dalam sektor perladangan NNMB, supaya ladang-ladang getah komersial dapat dibuka.<sup>63</sup> Dasar yang bersifat liberal ini seterusnya berjaya menarik perhatian pengilang dari Britain dan negara lain untuk melabur dalam sektor perladangan NNMB sejak awal tahun 1911. Pelaksanaan dasar pemilikan tanah ini juga telah membolehkan perusahaan Eropah dapat berkembang secara sah di NNMB.<sup>64</sup> Kebergantungan kerajaan NNMB terhadap kemasukan pelaburan asing ini adalah untuk meningkatkan lagi hasil getah untuk dieksport bagi memenuhi keperluan perdagangan merkantilisme negara induk (Britain).<sup>65</sup> Walaupun begitu, kerajaan NNMB tetap melarang sebarang bentuk penjualan tanah milik penduduk tempatan kepada firma-firma asing untuk dijadikan ladang getah. Tujuan larangan ini dilakukan adalah untuk memastikan tanah-tanah milik penduduk tempatan yang sesuai untuk penanaman kelapa dikekalkan fungsinya.<sup>66</sup>

**Jadual 5 Statistik pemilikan tanah pertanian oleh firma asing, 1909-1912**

Tahun	Keluasan tanah pertanian firma asing (ekar)
1909	145,519
1910	252,043
1911	223,017
1912	209,372
1913	150,222

Sumber: Federated Malay States, Annual Report for Year 1912.

Jadual 5 menunjukkan statistik pemilikan tanah pertanian oleh firma asing dengan keluasan tanah ladang getah sejak tahun 1909-1912. Data menunjukkan berlakunya peningkatan sebanyak 73.20% keluasan tanah pertanian yang dimiliki firma asing antara tahun 1909 dengan tahun 1910. Namun, berlakunya penurunan sebanyak 11.52% antara tahun 1910 dengan tahun 1911. Trend penurunan ini seterusnya berlaku pada tahun 1912 dengan penurunan sebanyak 6.19% berbanding tahun 1911. Manakala, tahun 1913 terus mencatatkan penurunan sebanyak 25.25% berbanding tahun 1912.

Kerajaan NNMB turut menjadikan timah sebagai antara komoditi penting bagi ekonomi eksport perdagangan merkantilismenya. Kebergantungan terhadap timah ini adalah disebabkan dasar kerajaan NNMB yang menjadikan timah sebagai asas kekuatan kewangan. Dasar ini telah dilaksanakan sejak awal pembentukan persekutuan NNMB.<sup>67</sup> Oleh sebab itu, kepentingan untuk menguasai sumber timah sering menjadi pertimbangan pihak British dalam menggubal dasar pentadbiran NNMB.<sup>68</sup> Pembangunan industri timah di NNMB memerlukan campur tangan kerajaan persekutuan bagi memastikan operasi industri perlombongan timah dapat berjalan dengan lancar. Oleh itu, ketika menghadapi kemerosotan pasaran timah pada tahun 1909, kerajaan NNMB telah mengambil langkah untuk melaksanakan dasar pengurangan kos operasi di lombong-lombong timah milik kerajaan. Dasar ini dilaksanakan dengan mengurangkan perkhidmatan tenaga buruh dalam industri dan kemudiannya menghantar pulang buruh-buruh asing ke negara asal mereka.<sup>69</sup>

Kesannya, pada tahun 1909 terdapat pengurangan tenaga buruh lombong timah di NNMB sebanyak 9,203 orang berbanding terdapat seramai 192,322 orang pada tahun 1908.<sup>70</sup> Walaupun dasar pengurangan tenaga buruh dapat mengurangkan kos operasi industri perlombongan timah. Pelaksanaan dasar ini telah menyebabkan masalah kemerosotan hasil timah NNMB. Pada tahun 1909, hasil timah telah menurun sebanyak 4.12% berbanding tahun 1908 yang mencatatkan jumlah hasil pengeluaran keseluruhan sebanyak 854,065. Penurunan hasil timah ini turut berlaku pada tahun 1910 dengan mencatatkan nilai penurunan sebanyak 10.01% berbanding tahun 1909.<sup>71</sup> Sungguhpun begitu, trend penurunan hasil timah sejak tahun 1909 ini bukan hanya semata-mata disebabkan dasar pengurangan tenaga kerja dalam sektor perindustrian lombong timah. Kemasukan aliran modal yang memberi tumpuan terhadap industri getah turut menyebabkan hasil pengeluaran timah NNMB menurun dalam tahun 1909 hingga 1910.<sup>72</sup>

Pada tahun 1911, kerajaan NNMB memperuntukkan rebat bayaran royalti kepada golongan pengusaha lombong timah.<sup>73</sup> Pelaksanaan dasar ini

bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan pihak pengusaha lombong yang terjejas dengan kebangkitan sektor perindustrian timah yang berlaku antara tahun 1908 hingga 1910. Beban kewangan yang ditanggung oleh golongan pengusaha lombong ini adalah disebabkan tekanan pasaran timah yang tidak menguntungkan mereka. Kemerosotan sektor perindustrian timah ini boleh diteliti menerusi kedudukan harga pasaran timah yang berada dalam keadaan yang tidak memuaskan sehingga tahun 1913.<sup>74</sup> Dalam tempoh tahun 1909 hingga tahun 1913, harga tertinggi timah hanya dicatatkan pada tahun 1912 dengan harga \$103.30 untuk 1 pikul timah. Berbanding harga pada tahun 1909 hanya sebanyak \$68.00 yang kemudiannya meningkat kepada \$77.51 pada tahun 1910. Walaupun harga timah terus meningkat kepada \$93.90 pada tahun 1911, selepas tahun 1912 harga timah kembali menurun kepada \$99.57 sepikul pada tahun 1913.<sup>75</sup> Antara syarikat perlombongan yang diberikan rebat bayaran royalti ialah Sindikat Lod Menglembu yang diberikan rebat bayaran royalti sebanyak 5% dalam masa lima tahun, dengan syarat jumlah rebat yang diberikan hendaklah digunakan untuk menampung kos kerja-kerja pembangunan. Manakala, bagi kes Lombong Raub dan Chingchong di Pahang, rebat bayaran royalti yang diberikan ialah sebanyak 50% dalam masa 2 tahun dengan syarat yang sama.<sup>76</sup>

Pelaksanaan dasar pembangunan timah antara tahun 1909 hingga 1911 ini telah berjaya memulihkan pasaran timah di NNMB pada tahun 1912. Keadaan ini telah mendorong kepada pembukaan kawasan perlombongan yang lebih besar di NNMB.<sup>77</sup> Oleh sebab itu, galakkan kemasukan modal giat dilakukan oleh kerajaan NNMB dengan menyediakan bantuan fasiliti dan jaminan pelaburan. Galakkan ini juga turut melibatkan peranan yang dimainkan oleh kerajaan Britain yang menyokong sirkulasi kewangan dalam pasaran London bagi membolehkan hasil timah di Tanah Melayu dapat dipasarkan dalam pasaran antarabangsa.<sup>78</sup> Kesan penting bagi galakkan kemasukan modal ini telah membolehkan firma-firma Eropah berjaya menguasai pasaran timah daripada pelombong Cina. Kekuatan kewangan yang dimiliki oleh firma dan syarikat Eropah ini membolehkan mereka mengelakkan persaingan penguasaan pasaran dengan tauke-tauke Cina. Kekuatan modal yang dimiliki oleh firma dan syarikat Eropah serta dengan kelebihan polisi British yang memihak kepada mereka telah menyebabkan pelombong-pelombong Cina gagal untuk bersaing.<sup>79</sup> Hujahan ini dibuktikan menerusi pemilikan tanah lombong yang tinggi di NNMB oleh firma asing pada tahun 1913, iaitu sebanyak 19,214 ekar tanah. Berbanding pada tahun 1912 keluasan tanah lombong yang dikuasai oleh firma Eropah hanyalah berjumlah 16,054 ekar tanah dan tahun 1911 yang berjumlah 16,971 ekar tanah.<sup>80</sup> Tambahan lagi, sehingga tahun 1914 terdapat sebanyak USD150 juta yang dilaburkan oleh firma-firma British untuk pembangunan timah dan juga getah, manakala pihak kerajaan telah menjamin sekuriti pelaburan sebanyak USD44 juta.<sup>81</sup>

Pembangunan ekonomi eksport berasaskan timah telah membolehkan British menjadikan NNMB muncul sebagai pusat produksi timah yang penting untuk perdagangan merkantilismenya.<sup>82</sup> Berdasarkan kelebihan ini, kerajaan NNMB berjaya meningkatkan hasil pendapatannya menerusi kutipan cukai

yang tinggi kesan daripada peningkatan produksi timah. Tempoh masa antara tahun 1909 hingga 1913 merupakan jangka masa pelaksanaan cukai yang tinggi terhadap eksport timah dengan purata peratusan sebanyak 26.0% berbanding jangka masa antara tahun 1914 hingga 1918 yang menurun kepada 17.0% dan terus menurun kepada 13.1% antara tahun 1919 hingga 1923.<sup>83</sup>


**Jadual 6 Hasil kutipan cukai timah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1909-1913**

Tahun	Jumlah kutipan cukai (\$)
1909	7,155,124
1910	7,162,026
1911	8,818,764
1912	10,850,121
1913	10,698,235

Sumber: Federated Malay States Annual Report for Year 1913

Jadual 6 menunjukkan peningkatan hasil cukai timah di NNMB sejak tahun 1909 hingga 1913 dengan kadar purata peratusan cukai sebanyak 26%. Data menunjukkan peningkatan kutipan hasil cukai yang menggalakkan walaupun berlakunya penurunan harga pasaran timah dalam jangka masa tersebut.

**Rajah 1 Pertumbuhan nilai lebihan baki kewangan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1909-1913**



Sumber: F.M.S. Annual Report for 1909-1913.

Peningkatan hasil cukai timah antara tahun 1909 hingga 1910 adalah sebanyak \$6,902 dan kemudiannya terus meningkat sebanyak \$1,656,738 pada tahun 1911. Jumlah tertinggi kutipan cukai timah ialah pada tahun 1912 dengan jumlah \$10,850,121 sebelum menurun sebanyak 1.40%.


### **Kesan Sistem Perdagangan Merkantilisme Negeri-Negeri Melayu Bersekutu**

Kesan pembentukan sistem perdagangan merkantilisme NNMB sejak Penubuhan MMP pada tahun 1909 boleh diteliti menerusi dua aspek.

Pertamanya, menerusi pertumbuhan nilai lebihan baki kewangan yang diperolehi oleh kerajaan NNMB. Lebihan baki kewangan ini ialah aset yang dimiliki NNMB hasil daripada keuntungan ekonomi eksport yang dibangunkan. Pertumbuhan lebihan baki kewangan ini merupakan indikator penting yang menentukan kedudukan NNMB sebagai pengeksport bahan mentah antarabangsa. Selain itu, penelitian terhadap aspekimbangan perdagangan pula akan dapat menentukan keuntungan yang diperolehi oleh NNMB menerusi tumpuannya terhadap ekonomi eksport. Kedua-dua aspek ini merupakan elemen penting idea ekonomi merkantilisme dalam menentukan hasil kekayaan yang diperolehi oleh sesebuah negara.

Rajah 1 menunjukkan pertumbuhan nilai lebihan kewangan bagi NNMB sejak tahun 1909-1913. Pada tahun 1909 nilai lebihan kewangan yang dimiliki oleh kerajaan NNMB ialah \$38,106,007. Manakala, pada tahun 1910 berlaku peningkatan sebanyak 12.01% kepada \$42,683,853. Peningkatan sebanyak 23.09% pula berlaku pada tahun 1911 berbanding 1911 dengan nilai \$14,853,795. Trend peningkatan ini berterusan sehingga tahun 1912 yang mencatatkan nilai lebihan kewangan berjumlah \$64,194,846, sebelum menurun sebanyak 4.60% pada tahun 1913. Pertumbuhan nilai lebihan kewangan ini membuktikan kejayaan British dalam mengumpulkan hasil kekayaan NNMB selepas penubuhan MMP pada tahun 1909. Data ini juga membuktikan keberkesanan kawalan kewangan dan juga pentadbiran ekonomi oleh British menerusi MMP apabila berlakunya peningkatan kemasukan aliran tunai dalam akaun semasa kerajaan NNMB. Faktor penting yang mendorong kepada peningkatan lebihan baki kewangan ini adalah disebabkan dasar kerajaan persekutuan yang memberikan tumpuan terhadap pembangunan ekonomi eksport yang menjadikan NNMB sebagai pembekal bahan mentah penting dalam pasaran dunia.

### Rajah 2 Nilaiimbangan perdagangan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1909-1913



Sumber: F.M.S. Annual Report for 1900-1913



Rajah 2 membuktikan wujudnya imbalan perdagangan yang positif di NNMB sejak penubuhan MMP. Kedudukan imbalan perdagangan yang positif ini telah membolehkan kerajaan NNMB memiliki lebih perdagangan sebagai aset kekayaannya. Walaupun begitu, imbalan perdagangan NNMB sering dipengaruhi dengan harga pasaran komoditi getah dan timah yang merupakan sumber kekayaannya. Namun, antara tahun 1909 hingga 1913, komoditi getah lebih mendapat perhatian pasaran disebabkan harganya yang tinggi berbanding timah.<sup>84</sup> Justeru, peningkatan nilai lebih perdagangan pada tahun 1910 adalah disebabkan peningkatan nilai eksport sebanyak \$24,052,050 pada tahun tersebut, berbanding tahun 1909 yang mengalami kemerosotan perdagangan sejak tahun 1908 akibat kejatuhan harga pasaran timah.<sup>85</sup> Kedudukan sektor perdagangan NNMB yang tidak kompetitif pada tahun 1909 juga disebabkan berlakunya kemerosotan perdagangan di Britain dan pemilikan stok timah yang tinggi oleh Amerika Syarikat yang menyebabkan harga pasaran timah mengalami kejatuhan.<sup>86</sup> Seterusnya, nilai lebih perdagangan NNMB terus meningkat pada tahun 1911 kepada \$52,282,264 iaitu peningkatan sebanyak 15.20% berbanding tahun 1910. Peningkatan lebih perdagangan pada tahun ini adalah disebabkan berlakunya peningkatan nilai eksport bagi tiga komoditi utama, iaitu getah (\$1,400,000), timah (\$12,601,324) dan kepala kering dengan nilai lebih \$100,000.<sup>87</sup> Pada tahun 1912 pula, nilai lebih perdagangan NNMB meningkat sebanyak 27% berbanding tahun 1911.<sup>88</sup> Manakala, pada tahun 1913 pula berlakunya penurunan nilai lebih perdagangan kepada \$64,000,000. Penurunan ini adalah disebabkan kemerosotan harga pasaran getah dan timah.<sup>89</sup> Keadaan ini dibuktikan menerusi kedudukan nilai eksport getah pada tahun 1913 adalah berjumlah \$56,663,956 dengan jumlah eksport sebanyak 53,131,904 lbs.<sup>90</sup> iaitu penurunan nilai eksport sebanyak 10.32%. Berbanding tahun 1912 yang mencatatkan nilai eksport berjumlah \$63,124,342 dengan jumlah eksport sebanyak 34,732,415 lbs.<sup>91</sup> Di samping itu, kemerosotan harga pasaran timah pula jatuh sebanyak 3.61% iaitu kepada \$99.57 untuk sepikul timah pada tahun 1913, berbanding tahun 1912.<sup>92</sup>

## Kesimpulan

Penubuhan MMP 1909 telah menjadi kemuncak kepada penguasaan British terhadap keseluruhan pentadbiran sistem perdagangan merkantilisme NNMB. British menggunakan kuasa perundangan MMP sebagai alat untuk mengabsahkan segala dasar dan tindakannya dalam menguasai sumber kekayaan diperingkat persekutuan. Justeru, setiap negeri dalam persekutuan tertakluk dengan setiap enakmen yang diluluskan oleh MMP, yang mana secara perundangannya telah diperkenan oleh Raja-Raja Melayu.<sup>93</sup> Kuasa perundangan yang dimiliki oleh MMP ini juga telah membolehkan British membentuk sistem ekonomi perdagangan merkantilisme yang seragam di setiap negeri. Setiap negeri dalam persekutuan telah mula menumpukan perhatian sebagai negeri pengeluar bahan mentah berdasarkan dasar pembangunan ekonomi eksport British.<sup>94</sup>

Tumpuan ekonomi eksport berasaskan getah dan timah sebagai sumber kekayaan merupakan ciri penting sistem perdagangan merkantilisme NNMB yang dibentuk oleh British. Oleh sebab itu, pelaksanaan sistem tarif dalam sistem perdagangan merkantilisme NNMB lebih mengutamakan komoditi eksport yang mempunyai nilai pulangan yang besar. Tambahan lagi, penubuhan Jabatan Perdagangan dan Kastam yang bertanggungjawab secara terus dibawah MMP, turut membolehkan British mengawal pelabuhan NNMB yang merupakan pusat kegiatan perdagangan merkantilisme. Pertumbuhan nilai lebihan kewangan yang disumbangkan oleh ekonomi eksport merupakan kesan penting sistem perdagangan merkantilisme di NNMB. Menerusi nilai lebihan kewangan yang tinggi British dapat mengumpul aset kewangan di peringkat persekutuan untuk digunakan bagi tujuan pembangunan kolonial. Pembangunan yang dimaksudkan ialah melibatkan pembangunan infrastruktur, jaringan komunikasi dan kemudahan perdagangan yang diperlukan dalam aktiviti perdagangan merkantilisme British di NNMB. Kesannya, berlaku peningkatan nilai imbalan perdagangan yang positif bagi jaringan perdagangan merkantilisme NNMB dengan Britain sebagai negara induk sebelum Perang Dunia Pertama.

### Nota akhir

1. P.J. Thomas, *Mercantilism and the East India Trade*, hlm. 2-4.
2. Gerrad M. Koot, *English Historical Economics, 1870-1926: The Rise of Economic History and Neomercantilism*, hlm. 31.
3. *Ibid.* hlm. 153.
4. J. Chandran, Perjanjian 1909 antara Inggeris dengan Siam serta Latar Belakangnya, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Bil. 72, No. 1, 1971, hlm., 5.
5. Stephen Constantine, *The Making of British Colonial Development Policy, 1914 – 1940*, Frank Cass, USA, 1984.
6. *Ibid.* hlm. 11 & 30.
7. Loh Wei Leng, *The Colonial State and Business: The Policy Environment in Malaya in the Inter-War Years*, *Journal of Southeast Asian Studies*, Bil. 33, No. 2, 2002, hlm. 249.
8. Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1984.
9. P.P. Courtenay, *A Geography of Trade and Development in Malaya*, G.Bell & Sons, London, 1972.
10. Barbaya Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, 3rd Ed., Palgrave, London, 2017.
11. Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, hlm. 261. P. Courtenay, *A Geography of Trade and Development in Malaya*,

- hlm. 62 & 132. Barbaya Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, hlm. 215.
12. Patrick O'Brien & Geoffrey Allen Pigman, *Free Trade, British Hegemony and the International Economic Order in the Nineteenth Century*, hlm. 104.
  13. Lihat juga Gerard M. Koot, *Historical Economics and the Revival of Mercantilism Thought in Britain*, Dlm. Magnusson, Lars (pnyt.). *Mercantilist Economics*, Spinger, New York, 1993, hlm. 187 - 189. Lihat juga, Patrick O'Brien & Geoffrey Allen Pigman, *Free Trade, British Hegemony and the International Economic Order in the Nineteenth Century*, hlm. 104-110.
  14. Gerard M. Koot, *Historical Economics and the Revival of Mercantilism Thought in Britain*, hlm. 196 & 200.
  15. W. Cunningham, *The Growth of English Industry and Commerce*, hlm. 258.
  16. Gerard M. Koot, *Historical Economics and the Revival of Mercantilism Thought in Britain*, hlm. 200.
  17. W. Cunningham, *The Rise and Decline of the Free Trade Movement*, C, hlm. 100.
  18. *Ibid.* hlm. 105.
  19. *Ibid.* hlm. 101 & 104.
  20. Adam Smith, *The Wealth of Nations: Book IV*, hlm. 543.
  21. Harky G. Johnson, *Mercantilism: Past, Present and Future*, hlm. 3.
  22. Paolo Guerrieri & Pier Carlo Padoan, *Neomercantilism and International Economic Stability*, hlm. 31.
  23. Harky G. Johnson, *Mercantilism: Past, Present and Future*, hlm. 6.
  24. *Ibid.* hlm. 189.
  25. H.M. Renue & Customs, *Trade Preference Agreements: Import and Eksport*, 13 Jun 2013, <https://www.gov.uk/guidance/importing-and-exporting-using-international-trade-preferences> [16 Oktober 2016]
  26. The Colonial Conference, *The Straits Times*, 5 December 1902.
  27. Nadzan Haron, *Malaya Dalam Sistem Pertahanan Imperial British Sebelum dan Selepas Perang Dunia Kedua*, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Bil. 24, 1996. hlm. 125-126.
  28. Frank Swettenham, *British Malaya*, hlm. 272.
  29. *Ibid.* hlm. 11.
  30. Frank Swettenham, *British Malaya*, hlm. 272.
  31. *Federated Malay States, Annual Report for Year 1909*, hlm. 40.
  32. *Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council*, 19 January 1911.
  33. Mohd Shazwan Mokhtar & Mohd Samsudin, 'Trade War': *Sekatan Perdagangan Jerman di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1914-1918*, *Akademika*, Bil. 87, No. 1, 2017, hlm. 77.

34. F.C.O. 141/15908, Proposal Federal Council, 8 January 1909.
35. Jagjit Singh Sidhu, Administration in the Federated Malay States 1896-1920, hlm. 89.
36. Huraian lanjut rujuk Enactment No. 1 of 1911, Dlm., A.B. Voules. The Laws of the Federated Malays States 1877-1920. Vol II., Federated Malay States Government, London, 1921.
37. Jagjit Singh Sidhu, Administration in the Federated Malay States 1896-1920, hlm. 89.
38. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 19 January 1911.
39. The Straits Times, 21 October 1903.
40. The Coin Import and Export Enactment, 1903.
41. Colonial Office, Eastern No. 108, Straits Settlements Correspondence Relating to Currency Questions, No. 3. The Secretary of State to the Governor, 23 April 1903.
42. Colonial Office, Eastern No. 108, Straits Settlements Correspondence Relating to Currency Questions, No. 2. Treasury to Colonial Office, 20 April 1903.
43. Chiang Hai Ding, The Origin of the Malayan Currency System (1867-1906), hlm. 12.
44. Stephanie Ho, History of Singapore Currency, National Library Board, Singapore, 9 March, 2016. [http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP\\_2016-03-09\\_114438.html](http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_2016-03-09_114438.html) [16 February 2017]
45. Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, A History of Malaysia, hlm. 217.
46. Kit Dawnay, A History of Sterling, The Telegraph, 8 October 2001, <http://www.telegraph.co.uk/news/1399693/A-history-of-sterling.html> [16 February 2017]
47. C.O 576/3, Federated Malay States Resident General's Annual Report for the Year 1908. Lihat juga, Customs Duties, The Straits Times, 9 January 1908.
48. Tanpa memberi jaminan kepada Residen, bahawa timah tersebut akan dileburkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau di Negeri-Negeri Selat.
49. Istilah ini merujuk kepada kaedah percukaian mengikut nilai barang atau komoditi. Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=ad+valorem> [21 February 2017]
50. Customs Duties, The Straits Times, 9 January 1908.
51. C.O 576/3, Federated Malay States Resident General's Annual Report for the Year 1908.
52. Colonial Report, Annual Straits Settlement Report, Governor Sir John Anderson to Mr. Lyttelton, 16 September 1904.
53. Sel. Sect. 2026/1914, Annual Report 1913. Trade & Customs.

54. C.O 576/3, Federated Malay States Resident General's Annual Report for the Year 1908.
55. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 12 November 1912.
56. Ekonomi eksport adalah merujuk kepada aktiviti perdagangan antarabangsa yang melibatkan urusan penjualan komoditi atau produk oleh sesebuah negara kepada negara yang lain.
57. Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, hlm. 216.
58. C.O. 576/1, Annual Report for the Year 1900 on the Federated Malay States by the Acting Resident-General.
59. Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, hlm. 222.
60. C.O. 576/4, Supplement to the Federated Malay States Gazette, 1910, Negeri Sembilan Administration Report, 1909.
61. C.O. 576/4, Federated Malay States Gazette 1910, Resident General's Annual Report for the Year 1909.
62. Federated Malay States, Annual Report for Year 1909, hlm. 15.
63. Li Dun Jen, *British Malaya: An Economic Analysis*, hlm. 84.
64. G.C. Allen & Audrey G. Donnithorne, *Western Enterprise in Indonesia and Malaya*, hlm. 115.
65. Shorthand Report of the Proceeding of the Federal Council, 19 January 1911.
66. Federated Malay States, Annual Report for Year 1911, hlm. 9.
67. C.O. 576/8, Annual Report for the Year 1900, Report The Acting Resident-General of the Federated Malay States to The Acting High Commissioner, Frank A. Swettenham.
68. Report The Acting Resident-General of the Federated Malay States to the Acting High Commissioner, Annual Report for the Year 1900.
69. C.O. 576/3, Federated Malay States Sessional Papers, Annual Report for the Year 1908, Report The Acting Resident-General of the Federated Malay States to The Acting High Commissioner.
70. Federated Malay States, Annual Report for Year 1909, hlm. 5.
71. Federated Malay States, Annual Report for Year 1910, hlm. 7.
72. *Ibid.*, hlm. 7.
73. Federated Malay States, Annual Report for Year 1911, hlm. 6.
74. Penang Chamber of Commerce, Report for the Year 1913, 28th Annual Report of the Penang Chamber of Commerce, 1913.
75. Federated Malay States, Annual Report for Year 1913, hlm. 9.
76. Federated Malay States, Annual Report for Year 1912, hlm. 11-12.
77. Shorthand Report for Federal Council, 12 November 1912.
78. Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, hlm. 219.

79. Li Dun Jen, *British Malaya: An Economic Analysis*, hlm. 65-66.
80. *Federated Malay States, Annual Report for Year 1913*, hlm. 16.
81. G.C. Allen & Audrey G. Donnithorne, *Western Enterprise in Indonesia and Malaya*, hlm. 290.
82. Li Dun Jen, *British Malaya: An Economic Analysis*, hlm. 63.
83. *Ibid.*, hlm. 64.
84. P.P. Courtenay, *A Geography of Trade Development in Malaya*, hlm. 116.
85. *Federated Malay States, Annual Report for Year 1910*, hlm. 3. Lihat juga *Federated Malay States, Annual Report for Year 1909*, hlm. 41.
86. *Selangor Chamber of Commerce, 3rd Annual Report 1909, Minutes of 2nd Annual General Meeting*.
87. *Federated Malay States, Annual Report for Year 1911*, hlm. 3.
88. *Federated Malay States, Annual Report for Year 1912*, hlm. 4.
89. *Federated Malay States, Annual Report for Year 1913*, hlm. 4.
90. Lbs. ialah merujuk kepada unit berat.
91. *Federated Malay States, Annual Report for Year 1913*, hlm. 13.
92. *Ibid.*, hlm. 9.
93. Muhammad Aslah Akmal Bin Azmi, Mohd Shazwan Mokhtar & Mohd Samsudin, *Kolonialisme British Terhadap Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Pada Zaman Perang Dunia Pertama*, eBangi, *Keluaran Khas 2*, 2016, hlm., 84.
94. C.O. 576/1, *Annual Report for the Year 1903 on the Federated Malay States*.

## Rujukan

### Sumber Primer

- C.O 576/1. 1900. *Federated Malay States Resident General's Annual Report for the Year 1900*.
- C.O 576/3. 1908. *Federated Malay States Resident General's Annual Report for the Year 1908*.
- C.O. 576/4. 1909. *Federated Malay States Gazette 1910, Resident General's Annual Report for the Year 1909*.
- C.O. 576/4. 1909. *Resident-General's Annual Report for the Year 1909*.
- C.O. 576/4. 1910. *Supplement to the Federated Malay States Gazette, 1910, Negeri Sembilan Administration Report, 1909*.
- C.O. 576/8. 1901. *Annual Report for the Year 1900, Report The Acting Resident-General of the Federated Malay States to The Acting High Commissioner, Frank A. Swettenham*.
- CO 576/5, *Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 1909-1910*.

- Colonial Office. 1923. Eastern No. 108, Straits Settlements Correspondence Relating to Currency Questions, No. 2. Treasury to Colonial Office, 20 April.
- Colonial Report. 1904. Annual Straits Settlement Report, Governor Sir John Anderson to Mr. Lyttelton, 16 September.
- F.C.O. 141/15908. T.th. Proposal Federal Council, 8 January 1909.
- Federated Malay States. 1910. Annual Report for Year 1909.
- Federated Malay States. 1910. Annual Report for Year 1909.
- Federated Malay States. 1911. Annual Report for Year 1910.
- Federated Malay States. 1911. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 19 January.
- Federated Malay States. 1912. Annual Report for Year 1911.
- Federated Malay States. 1912. Annual Report for Year 1911.
- Federated Malay States. 1912. Shorthand Report for Federal Council, 12 November.
- Federated Malay States. 1912. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 12 November.
- Federated Malay States. 1914 Annual Report for Year 1913.
- Penang Chamber of Commerce. 1913. Report for the Year 1913, 28<sup>th</sup> Annual Report of the Penang Chamber of Commerce, 1913.
- Sel. Sect. 2026/1914. 1914. Annual Report 1913. Trade & Customs.
- Selangor Chamber of Commerce. 1909. 3<sup>rd</sup> Annual Report 1909, Minutes of 2<sup>nd</sup> Annual General Meeting.

## **Akhbar**

- Customs Duties. *The Straits Times*, 9 January 1908.
- Customs Duties. *The Straits Times*, 9 January 1908.
- The Colonial Conference. *The Straits Times*, 5 December 1902.
- The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 17 April 1908.
- The Straits Times*, 21 October 1903.

## **Sumber Sekunder**

- Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2013. Dasar Kewangan Pentadbiran British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu: Langkah Kawalan Melalui Penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan, 1909-1914. Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali & Zuliskandar Ramli (pnyt.) *Panji Pendeta*, hlm. 801-872. Bangi: ATMA UKM & Ikatan Arkeologi Malaysia.
- Allen, G.C. & Donnithorne, Audrey G. 1957. *Western Enterprise in Indonesia and Malaya*. London: Routledge.
- Andaya, Barbara Watson & Andaya, Leonard Y. 2017. *A History of Malaysia*. 3<sup>rd</sup> Ed. London: Palgrave.

- Chandran, J. 1971. Perjanjian 1909 antara Inggeris dengan Siam serta Latar Belakangnya. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 72(1): 4-13.
- Chiang, Hai Ding. 1996. The Origin of the Malayan Currency System (1867-1906). *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 39(1): 1-18.
- Constantine, Stephen. 1984. *The Making of British Colonial Development Policy, 1914 – 1940*. USA: Frank Cass.
- Constantine, Stephen. 1984. *The Making of British Colonial Development Policy, 1914 – 1940*. USA: Frank Cass.
- Courtenay, P.P. 1972. *A Geography of Trade and Development in Malaya*. London: G. Bell & Sons, Ltd.
- Cunningham, W. 1882. *The Growth of English Industry and Commerce*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cunningham, W. 1904. *The Rise and Decline of the Free Trade Movement*. London: C.J. Clay & Sons.
- Eliot, Walter. 1930. The Twentieth-Century Economic State: With Special Reference to the British Empire. *Journal of the Royal Institute of International Affairs* 9(3): 325-333.
- Ghosh, Kaylan Kumar. 1977. *Twentieth-Century Malaysia: Politics of Decentralization of Power, 1920-1929*. Calcutta: Progressive Publishers.
- Guerrieri, Paolo & Padoan, Pier Carlo. 1986. Neomercantilism and International Economic Stability. *International Organization* 40(1): 29-42.
- H.M. Renenu & Customs. 2013. *Trade Preference Agreements: Import and Eksport*, 13 Jun. <https://www.gov.uk/guidance/importing-and-exporting-using-international-trade-preferences> [16 Oktober 2016]
- Jen, Li Dun. 1982. *British Malaya: An Economic Analysis*. Kuala Lumpur: Institute for Social Analysis.
- Johnson, Harky G. 1974. Mercantilism: Past, Present and Future. *The Manchester School* 42(1): 1-17.
- Khoo, Kay Kim. 1984. *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Kit Dawnay, A History of Sterling, *The Telegraph*, 8 October 2001, <http://www.telegraph.co.uk/news/1399693/A-history-of-sterling.html> [16 February 2017]
- Koot, Gerard. 1993. Historical Economics and the Revival of Mercantilism Thought in Britain. Dlm. Magnusson, Lars (pnyt.). *Mercantilist Economics*, hlm. 187-219. New York: Spinger.
- Koot, Gerrad M. 1987. *English Historical Economics, 1870-1926: The Rise of Economic History and Neomercantilism*. Cambridge: Cambridge



University Press.

- Loh, Wei Leng. 2002. The Colonial State and Business: The Policy Environment in Malaya in the Inter-War Years. *Journal of Southeast Asian Studies* 33(2): 243-256.
- Mohd Shazwan Mokhtar & Mohd Samsudin. 2017. 'Trade War': Sekatan Perdagangan Jerman di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1914-1918. *Akademika* 87(1): 75-89.
- Muhammad Aslah Akmal Azmi, Mohd Shazwan Mokhtar & Mohd. Samsudin. 2016. Kolonialisme British Terhadap Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Ketika Perang Dunia Pertama. *e-Bangi Special Edition 2*: 83-95.
- Nadzan Haron. 1996. Malaya Dalam Sistem Pertahanan Imperial British Sebelum dan Selepas Perang Dunia Kedua. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 24: 125-136.
- O'Brien, Patrick & Pigman, Geoffrey Allen. 1992. Free Trade, British Hegemony and the International Economic Order in the Nineteenth Century. *Review of International Studies* 18(2): 89-113.
- P.P. Courtenay. 1972. *A Geography of Trade and Development in Malaya*. London: G. Bell & Sons.
- Sidhu, Jagjit Singh. 1970. The Administrative Development of Malaya, 1896-1941. In. Zainal Abidin Abdul Wahid (ed.). *Glimpses of Malaysian History*, p. 72-78. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Smith, Adam. 2003. *The Wealth of Nations*. New York: Bantam Dell.
- Stephanie Ho. History of Singapore Currency, *National Library Board, Singapore*, 9 March, 2016. [http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP\\_2016-03-09\\_114438.html](http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_2016-03-09_114438.html) [16 February 2017]
- Swettenham, Frank. 1906. *British Malaya*. London: John Lane the Bodley Head.
- Thomas, P.J. 1926. *Mercantilism and the East India Trade*. Westminster: P.S. King & Son, LTD.
- Voules, A.B. (ed.). 1921. *The Laws of the Federated Malay States 1877-1920*. Vol II. London: Federated Malay States Government.
- Wright, Arnold & Cartwright, H.A. 1908. *Twentieth Century Impressions of British Malaya*. London: Lloyd's Great Britain Publishing.

## Nota Biografi

Mohd Shazwan Mokhtar (msm@ukm.edu.my) merupakan Fellowship di Program Sejarah, UKM. Sejarawan muda berkelulusan Sarjana Falsafah (Sejarah) minat meneroka bidang baharu kajian sejarah yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Merupakan pemenang Pingat Emas Persatuan Sejarah Malaysia 2014. Bidang kajian beliau ialah sejarah ekonomi imperial

British dan Tanah Melayu, perdagangan antara empayar British pada abad ke-20.

Muhamamd Aslah Akmal Azmi (aslahakmal@ukm.edu.my) merupakan Fellowship di Program Sejarah, UKM. Menerima Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera (Sejarah), UKM. Kini sedang meneruskan pengajian Sarjana Falsafah (Sejarah). Bidang kajian beliau ialah sejarah politik dan hubungan diplomatik.

Prof. Madya Dr. Mohd. Samsudin (moss@ukm.edu.my) merupakan pensyarah di Program Sejarah, UKM dan juga merupakan Pengarah Muzium Warisan Akademik, UKM. Bidang kepakaran beliau ialah Sejarah Malaysia, Kajian Dasar Luar, Warisan dan Pemuliharaan.